



Dapatkan suntikan vaksin apabila ia ditawarkan kepada anda.


Anda akan menerima pemberitahuan daripada MOH:

- 1 Daftari di vaccine.gov.sg, atau dapatkan bantuan di Balai Rakyat/ Kelab Masyarakat terdekat.
- 2 Pada hari vaksinasi, pakai pakaian berlengan pendek atau longgar dan bawa kad pengenalan (NRIC) atau FIN anda.
- 3 Dapatkan dos vaksin pertama anda. Kembali ke pusat yang sama bagi dos kedua anda.

Walaupun dengan vaksinasi, anda harus

- Pakai pelitup apabila berada di luar rumah anda dan gunakan aplikasi/token TraceTogether
- Amalkan jarak selamat dan jaga kebersihan diri
- Jumpa doktor jika tidak sihat dan duduk di rumah

Marilah kita sentiasa berwaspada dan amalkan tanggungjawab sosial.




Untuk maklumat lanjut, lungsuri vaccine.gov.sg, atau hubungi 1800-333-9999.

PROGRAM VAKSINASI COVID-19 SINGAPURA

LINDUNGI DIRI ANDA DAN ORANG-ORANG TERSAYANG





KENAPA ? harus mendapatkan vaksinasi

Terdapat risiko penyakit serius selain kematian akibat jangkitan COVID-19, terutama dalam kalangan warga emas dan golongan mudah terjejas.

Vaksinasi boleh

- Mencegah penyakit dan mengurangkan jangkitan
- Membolehkan kita untuk menyambung semula lebih banyak aktiviti dengan selamat
- Mengelakkan sistem penjagaan kesihatan kita daripada terlalu dibebani

Untuk melindungi diri anda dan orang-orang tersayang, termasuk mereka yang tidak boleh mengambil suntikan vaksin atas sebab-sebab kesihatan, anda amat digalakkan untuk mendapatkan vaksinasi.



Lebih ramai di antara kita disuntik, lebih sukar untuk virus itu merebak, dan

kita semua akan lebih selamat sebagai satu masyarakat.

- Perdana Menteri Lee Hsien Loong

BOLEHKAH SAYA mendapatkan vaksinasi

Vaksinasi digalakkan bagi semua orang, kecuali yang berikut:

- Wanita hamil[^]
- Kanak-kanak di bawah usia 16 tahun[^]
- Individu dengan daya tahan yang lemah
- Mereka yang mempunyai sejarah anafilaksis atau tindak balas alahan yang teruk

Jika anda menghidapi penyakit-penyakit kronik seperti darah tinggi dan kencing manis, anda harus mengambil vaksin ini untuk melindungi diri anda dan orang-orang tersayang.

Jika anda sedang dirawat bagi masalah kesihatan lain dan tidak pasti sama ada anda boleh mendapatkan vaksinasi, dapatkan nasihat doktor anda.

[^]Sehingga lebih banyak data tersedia

BILAKAH saya boleh mendapatkan vaksinasi

Rakyat Singapura dan penduduk jangka panjang akan diundang secara bertahap-tahap untuk mendapatkan vaksinasi, secara percuma.

Anda akan dimaklumkan oleh MOH untuk membuat janji temu.

Pekerja penjagaan kesihatan dan golongan mudah terjejas akan diberikan keutamaan untuk mendapatkan vaksinasi.



Adakah terdapat **KESAN SAMPINGAN** selepas vaksinasi?

Kesan sampingan seperti sakit otot, sakit kepala dan demam adalah biasa.

Ini adalah tanda-tanda bahawa tubuh anda sedang membina daya tahan terhadap COVID-19 dan biasanya akan sembuh dengan sendiri dalam beberapa hari.

Dalam kes-kes yang sangat jarang berlaku, vaksin ini boleh menyebabkan anafilaksis atau tindak balas alahan yang teruk.

Simptom-simptom termasuk:

- kesukaran bernafas
- bengkak di muka, tekak, mata atau bibir
- degupan jantung yang deras
- pening kepala dan berasa lemah
- ruam yang teruk

Selepas vaksinasi, anda akan diperhatikan selama 30 minit supaya **sebarang tindak balas alahan yang teruk boleh dirawat dengan segera**.

Vaksinasi adalah **SELAMAT**

Semua vaksin COVID-19 yang telah diluluskan untuk digunakan di Singapura telah dikaji dengan teliti oleh Penguasa Sains Kesihatan dan Jawatankuasa Pakar bagi Vaksinasi COVID-19. Vaksin-vaksin tersebut memenuhi piawaian keselamatan dan keberkesanan yang tinggi.

